

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Telefon pintar jadi pintar

PADA hari ini, telefon pintar semakin dengan pelbagai fungsi. Namun begitu, fungsi yang canggih ini kadangkala mengganggu sesetengah perkara dalam kehidupan seharian. Jadi bagaimana untuk menjadikan telefon pintar ini menjadi pintar?

-Khidir, Sungai Gau.

Ketika memberi syarahan berkenaan komputer, hadirin selalu ditanyakan satu perkara berkenaan dengan mana lebih pintar antara komputer dan manusia. Siapakah yang menjadikan komputer itu pintar? Siapakah yang menjadikan manusia itu pintar? Allah Taala yang menjadikan manusia berupaya menghasilkan komputer. Secara umumnya, sudah tentu yang mencipta itu lebih pintar berbanding benda yang diciptanya. Seperti kata Profesor Stephen Hawking, kehidupan manusia merupakan satu komputer ciptaan Ilahi.

Telefon pintar ini termasuk dalam kategori komputer yang kita kenali sebelum ini bersifat pelbagai tugas atau boleh melakukan pelbagai perkara. Oleh itu, terpulang kepada kepintaran manusia pula untuk mengurus dengan baik dan betul bagi penggunaan pelbagai aplikasi yang ada dalam telefon pintar ini.

Seterusnya, dibincangkan beberapa aplikasi yang boleh digunakan untuk menjadikan telefon pintar itu pintar dalam membantu kehidupan seharian manusia.

1 Aplikasi untuk menghalang atau mengurus sebarang panggilan ketika tidur atau berehat secara automatik dan berjadual. Tidur yang mencukupi tanpa sebarang gangguan penting untuk badan yang sihat. Dalam telefon pintar berdasarkan Apple dan iOS 8, Windows Phone, Android dan Lolipop 5.0 dan versinya ke atas ada fungsi *Do Not Disturb* yang boleh digunakan.

2 Aplikasi untuk setkan telefon pintar kepada mod senyap secara automatik ketika mesyuarat penting dijalankan. Konfigurasi ini perlu diserasikan dengan sistem penjadualan dan kalender yang ada dalam telefon pintar. Bagi telefon pintar berdasarkan iOS, boleh menggunakan aplikasi *SilentAlarm* dan *AutoSilent*. Bagi sistem Android, terdapat aplikasi *Silence Premium Do Not Disturb* dan sistem Windows Phone, pula terdapat aplikasi *Cortana's Notebook's Quiet Hours*.

3 Aplikasi untuk setkan telefon pintar membala sebarang panggilan atau mesej dengan status sedang memandu secara automatik. Ada sesetengah aplikasi akan membaca sebarang mesej yang masuk ketika status pemanduan di jalan raya. Bagi sistem Apple setakat ini, tiada aplikasi yang khusus untuk tujuan ini. Bagi sistem Android, terdapat aplikasi seperti *VeloCT* dan *Agent*. Dalam sistem Windows Phone pula, ada fungsi yang boleh digunakan untuk setkan mod telefon pintar kepada mod pemanduan.

Terdapat banyak lagi jenis aplikasi dengan pelbagai tujuan yang boleh digunakan. Walau bagaimanapun ini adalah tiga keadaan atau status yang penting untuk dibagi tahu dan diketahui oleh sistem telefon pintar untuk pintar bertindak mengikut keadaan semasa.